



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)**  
[www.ijmoe.com](http://www.ijmoe.com)



## **NILAI TELADAN IBU BAPA BERDASARKAN KASIH SAYANG DALAM KELUARGA MUSLIM**

### *PARENTAL ROLE MODELING BASED ON AFFECTION IN MUSLIM FAMILY*

Safinah Ismail<sup>1\*</sup>, Rosmawati Mohamad Rasit<sup>2</sup>, Zulkefli Aini<sup>3</sup>, Abur Hamdi Usman<sup>4</sup>, Mariam Abd. Majid<sup>5</sup>, Abdul Wahab Md. Ali<sup>6</sup>, Siti Khaulah Mohd Hamzah Murghayah<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia

Email: safinah@uis.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

Email: rosmawati@ukm.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

Email: zulaini@ukm.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia

Email: aburhamdi@uis.edu.my

<sup>5</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia

Email: mariam@uis.edu.my

<sup>6</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Dungun, Malaysia

Email: abdulwahab@uitm.edu.my

<sup>7</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Malaysia

Email: 22mt09002@postgrad.uis.edu.my

\* Corresponding Author

#### **Article Info:**

##### **Article history:**

Received date: 12.01.2025

Revised date: 23.01.2025

Accepted date: 03.02.2025

Published date: 11.03.2025

##### **To cite this document:**

Ismail, S., Rasit, R. M., Aini, Z., Usman, A. H., Majid, M. A., Ali, A. W. M., & Murghayah, S. K. M. H. (2025). Nilai Teladan Ibu Bapa Berdasarkan Kasih Sayang Dalam Keluarga Muslim. *International*

#### **Abstrak:**

Nilai teladan ibu bapa berdasarkan kasih sayang memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak anak-anak. Artikel ini mengkaji nilai teladan ibu bapa berdasarkan kasih sayang dalam keluarga muslim. Kasih sayang yang diterapkan oleh ibu bapa dapat membentuk keluarga Muslim yang harmoni dan berakhhlak mulia. Menggunakan pendekatan kualitatif, data diperoleh melalui analisis tematik temu bual terhadap sebelas peserta kajian. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa nilai teladan ibu bapa berdasarkan kasih sayang dalam pembentukan akhlak anak dapat ditunjukkan melalui kata-kata dan perbuatan. Kasih sayang yang seimbang, ditunjukkan melalui perhatian, komunikasi mesra, dan tindakan seperti pelukan dan ciuman, berkesan dalam membentuk akhlak positif. Sebaliknya, ketidakseimbangan kasih sayang-kekurangan atau berlebihan boleh membawa kesan negatif terhadap perkembangan anak-anak. Artikel ini menyimpulkan bahawa ibu bapa harus menjadi qudwah hasanah

Journal of Modern Education, 7 (24),  
288-305.

DOI: 10.35631/IJMOE.724020

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



dalam mendidik anak-anak melalui pendekatan kasih sayang yang seimbang, demi mewujudkan keluarga dan masyarakat yang harmoni.

#### Kata Kunci:

Nilai Teladan, Ibu Bapa, Kasih Sayang, Akhlak, Anak

#### Abstract:

Parental role modeling based on affection plays a vital role in muslim family. this article examines parental role modeling through affection in the moral development of children. The affection demonstrated by parents can foster harmonious and morally upright Muslim families. Using a qualitative approach, data were collected through thematic analysis of interviews with eleven study participants. The findings indicate that parental role modeling through affection in shaping children's morality can be expressed through words and actions. Balanced affection, demonstrated through attention, friendly communication, and actions such as hugs and kisses, is effective in cultivating positive morals. Conversely, an imbalance in affection whether insufficient or excessive can negatively impact children's development. This article concludes that parents must serve as *qudwah hasanah* (excellent role models) in raising children through a balanced approach to affection to create harmonious families and societies.

#### Keywords:

Parental Role, Parents, Affection, Moral, Children

## Pengenalan

Nilai teladan merupakan asas penting dalam pembentukan akhlak anak-anak, khususnya dalam konteks keluarga Muslim. Nilai ini sering diperlihatkan melalui kasih sayang yang diterapkan oleh ibu bapa dalam kehidupan seharian. Hubungan yang harmoni antara ibu bapa dan anak-anak bergantung kepada sejauh mana kasih sayang itu dipupuk. Tanpa kasih sayang, sesebuah keluarga mungkin menghadapi cabaran yang boleh menggugat keharmonian dan kestabilannya. Sebaliknya, kasih sayang yang berlebihan juga mampu membawa kesan negatif, seperti anak-anak menjadi tidak berdisiplin atau kurang keyakinan diri.

Keseimbangan dalam menunjukkan kasih sayang adalah amat penting. Kekurangan kasih sayang boleh membawa kepada rasa tersisih dan ketidakstabilan emosi dalam kalangan anak-anak. Sebaliknya, kasih sayang yang berlebihan berisiko melahirkan anak-anak yang kurang berdisiplin dan kurang berdikari. Oleh itu, ibu bapa perlu memainkan peranan sebagai qudwah hasanah atau teladan yang baik dalam mendidik anak-anak melalui pendekatan yang bijaksana dan seimbang. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti bentuk kasih sayang yang paling efektif dalam membentuk keluarga Muslim yang harmoni serta mengelakkan kesan negatif yang mungkin timbul akibat ketidakseimbangan dalam mendidik anak-anak.

Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis tematik melalui kaedah temu bual. Proses analisis dilakukan secara tematik bagi mendapatkan kefahaman yang mendalam tentang nilai teladan ibu bapa dalam membentuk akhlak anak-anak.

Hasil kajian menunjukkan bahawa nilai teladan ibu bapa yang berasaskan kasih sayang dapat diwujudkan melalui kata-kata dan perbuatan. Ia juga memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak anak-anak. Kasih sayang yang ditunjukkan melalui kata-kata yang lembut, perhatian, tindakan seperti sapaan mesra, pelukan, dan ciuman serta komunikasi yang jujur dan terbuka dapat membentuk keluarga yang sihat dari aspek mental dan kerohanian. Sebaliknya, kekurangan kasih sayang atau penerapan nilai teladan yang berlebihan boleh membawa kesan negatif terhadap perkembangan anak-anak. Oleh itu, keseimbangan dalam mendidik anak-anak melalui kasih sayang adalah kunci kepada pembentukan keluarga yang harmoni dan berakhhlak mulia.

Kesimpulannya, pembentukan keluarga yang harmoni memerlukan ibu bapa untuk mengamalkan pendekatan seimbang dalam mendidik anak-anak melalui kasih sayang dan nilai teladan. Pendekatan ini tidak hanya mencetuskan kesejahteraan dalam keluarga tetapi juga menjadi asas kepada pembangunan masyarakat yang lebih harmoni dan stabil.

### Tinjauan Literatur

Menurut al-'Ulwan (1997), nilai teladan adalah kaedah yang berkesan dalam mendidik akhlak, sosial dan psikologi anak-anak. Hal ini kerana ibu bapa adalah nilai teladan yang terbaik buat anak-anak. Anak-anak meniru akhlak dan tingkah laku ibu bapa secara sedar atau sebaliknya. Nilai teladan adalah faktor utama dalam menentukan seseorang anak menjadi baik atau tidak baik. Anak-anak mewarisi sifat-sifat ibu bapa mereka. Nilai teladan yang baik atau *qudwah hasanah* merupakan suatu cara yang efektif diaplikasikan terhadap anak-anak (Saeidi, Ajilian, Farhangi & Hasan Khodaei, 2014). Suwaid (2014) menjelaskan bahawa cara untuk membangunkan pendidikan akhlak melalui perbuatan dan tindakan dalam kalangan anak-anak adalah dengan membiasakan mereka untuk mengikuti sunnah Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian. Rasulullah SAW merupakan contoh teladan yang boleh diikuti sama ada dari segi kata-kata, perbuatan dan segala aspek kehidupan (Sazali, 2010).

Maksudnya:

*Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).*

(al-Quran, al-Ahzab 33:21)

Menurut Ibn Kathīr (1999) dalam *Tafsir Ibn Kathīr*, Allah SWT memerintah agar manusia mencontohi Rasulullah SAW dari segi kata-kata, perbuatan dan pengakuan Rasulullah SAW. Allah SWT turut menganjurkan manusia untuk mencontohi kesabaran, kesungguhan dan pengharapan Rasulullah SAW terhadap Allah SWT serta menganjurkan supaya manusia banyak berselawat ke atas baginda. Manakala al-Alūsī (t.th) menjelaskan bahawa ayat tersebut ditujukan kepada orang mukmin bahawa ia merupakan satu kewajipan untuk mencontohi kebaikan baginda Rasulullah SAW. al-Baghāwi (1997) dalam *Ma'alim al-Tanzīl* turut menyatakan bahawa ayat tersebut menunjukkan contoh perbuatan baik Rasulullah SAW yang patut diikuti dalam membantu menegakkan agama Allah SWT. Rasulullah SAW adalah insan yang sempurna yang boleh dijadikan teladan bagi generasi akan datang dalam kesempurnaan akhlak. Allah SWT mendidik dan menjaga Baginda dengan sifat asas kenabian sama ada sebelum atau selepas kenabian al-'Ulwan (1997). Contoh yang baik mempunyai kesan yang besar terhadap jiwa manusia, termasuk anak-anak. Oleh itu, ibu bapa dianjurkan untuk

meneladani kata-kata dan perbuatan Rasulullah SAW dalam kehidupan kerana anak-anak suka meniru apa yang dilakukan oleh ibu bapa (Suwaid, 2014).

Manakala Sambuaga dan Boham (2014) menjelaskan bahawa ibu bapa mampu menyumbang ke arah pembentukan sebuah tamadun bangsa melalui empat kaedah asas pendidikan iaitu pendidikan melalui teladan, kerohanian, kedudukan dan kelangsungan bangsa. Orang yang paling rapat dengan anak-anak adalah ibu bapa, adik-beradik dan ahli keluarga yang tinggal bersama. Ibu bapa adalah pendidik kepada anak-anak, setiap tindak tanduk ibu bapa sama ada positif atau negatif akan diikuti oleh anak-anak (Cutler, 2019; Hamzah, Mustari & Mohd Basiron, 2015; Manap, Mohd Hoesni & Hamzah, 2018; Mohamad & Rosdi, 2018; Taib, Abdullah & Kannan, 2015). Orang tua menjadi teladan dalam praktik kehidupan sehari-hari, menunjukkan perilaku yang baik seperti kasih sayang, keramahan, keadilan, kesederhanaan dan menghormati orang lain, membimbang anak-anak dalam menjalankan ajaran agama Islam agar dapat dicontohi sehingga dapat membentuk perwatakan anak-anak (Khaironi, 2017; Yudi Eko Surono 2023). Ibu bapa memberikan teladan yang baik kepada anak seperti sopan santun dalam berbicara dan tingkah laku Reski, Khalil (2016) menjelaskan bahawa ibu bapa menjauhkan diri daripada kata-kata yang bercanggah dengan amalan mereka kerana ibu bapa adalah individu terbaik dan menjadi ikutan oleh anak-anak. Malah ibu bapa melazimkan diri dengan penggunaan bahasa yang bersesuaian kerana gaya bahasa anak-anak adalah gaya bahasa yang digunakan oleh ibu bapa.

Oleh itu, apabila ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak, mereka menzahirkan kasih sayang, kerjasama, penghargaan, kejujuran, kepercayaan dan keterbukaan antara satu sama lain (Fajar, 2010). Perasaan kasih sayang dan belas kasihan tersebut dapat menghasilkan dorongan positif kepada ibu bapa bagi memelihara keturunan berdasarkan syariat Allah SWT. Cinta dan kasih sayang merupakan rahmat daripada Allah SWT kepada pasangan suami isteri. Perasaan kasih sayang, rahmah dan ketenangan yang wujud dalam sesebuah keluarga membuktikan kekuasaan Allah SWT. Kasih sayang dapat membantu suami isteri bagi menyempurnakan amanah Allah SWT dalam proses pendidikan anak-anak agar terbentuk keluarga yang sejahtera.

Kasih sayang yang dipupuk dalam keluarga menerusi layanan yang baik, pergaulan yang mesra, dan hubungan yang rapat antara ibu bapa dan anak-anak dapat mewujudkan keluarga yang harmoni (Mohamed & Mohamad, 2013). Tanpa kasih sayang dan perasaan belas kasihan, keharmonian sesebuah keluarga boleh tergugat sehingga boleh membawa kepada kehancuran. Kebahagiaan tidak akan tercapai tanpa ada rasa belas kasihan sesama ahli keluarga. Keharmonian masyarakat bermula daripada institusi keluarga yang mampu mewujudkan ketenangan dan kemantapan hidup bersama berdasarkan kepada hubungan baik dan rasa kasih sayang antara satu sama lain (Jaapar & Azahari, 2011).

Nilai teladan yang di tonjolkan oleh ibu bapa secara berlebihan boleh mengakibatkan anak-anak berasa selesa tanpa perlu berusaha untuk mendapat sesuatu perkara tidak berdisiplin, tidak mahu mencuba perkara baru, sukar bersosial dan sukar membuat keputusan (Rasyid Baswe, 2012, Yuni Retnowati, 2008, Abu Bakar, Afthanorhan, Ibrahim, Ridzuan & Abdul Latif, 2016). Sementara itu, anak-anak yang kurang kasih sayang dan perhatian pula menyebabkan rasa tersisih, tidak disayangi dan tidak dihargai oleh ibu bapa mereka (Che Ahmad, Ghani, Omar & Mohd Isa, 2010). Perkara tersebut boleh membawa kepada penderitaan jasmani, mental dan kerohanian (Fathiyaturrohmah, 2014). Keluarga sebagai unit

sosial pertama kepada anak-anak. Ia mempunyai kekuatan dalam mempengaruhi perkembangan nilai-nilai agama dan mengimplementasikan setiap perbuatan yang menjadi suatu karakter kebiasaan sehari-hari. Interaksi yang positif antara anggota keluarga, terutama ibu bapa yang menonjolkan nilai teladan ini ditiru oleh anak. Justeru, persekitaran keluarga dapat mendorong pengamalan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak (Siti Masriah, Acep Nurlaeli, Akil, 2023). Sebagai contoh, seorang suami yang memiliki tanggung jawab sebagai ketua keluarga perlu bersikap bijaksana dalam menghadapi setiap permasalahan yang ada dalam keluarga (Salis Irvan Fuadi, Rindi Antika, Nur Rofius, 2020; Iqna Auliyah, Ris'an Rusli & Totok Agus Suryanto 2024)

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian fenomenologi untuk memperoleh data yang relevan dan mendalam. Pendekatan penyelidikan kualitatif diterapkan secara komprehensif dalam keseluruhan pelaksanaan projek penyelidikan. Reka bentuk ini membolehkan struktur keputusan dibina secara sistematis, bermula daripada penentuan masalah penyelidikan, pembentukan persoalan kajian, pemilihan metodologi, sehingga penghasilan kesimpulan (Janja, 2016). Kajian ini menggunakan pensampelan bukan kebarangkalian melalui kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Pensampelan ini bertujuan mendapatkan data mengenai pola komunikasi ibu bapa dalam kalangan keluarga Muslim. Peserta kajian dipilih berdasarkan ciri-ciri tertentu yang telah ditetapkan, dengan menekankan aspek fleksibiliti yang sesuai untuk meneroka dan memahami makna di sebalik pengalaman personal peserta (Jasmi, 2010).

Pengkaji berperanan sebagai instrumen utama dalam kajian ini bagi memperoleh pemahaman yang lebih mendalam dan menginterpretasikan data secara bermakna (Rashed, 2016). Pensampelan yang berkualiti menjadi salah satu aspek penting dalam memastikan keberkesan dan kesahihan kajian. Oleh itu, pengkaji memilih sebelas peserta kajian, yang terdiri daripada 4 lelaki dan 7 perempuan, daripada kalangan ibu bapa keluarga Muslim. Kaedah pengumpulan data dilakukan melalui *Focus Group Discussion* (FGD), yang merupakan pendekatan temu bual kumpulan fokus. Menurut Cresswell (2014), bilangan peserta yang memadai untuk FGD adalah antara 6 hingga 8 orang, namun dalam kajian ini, bilangan peserta disesuaikan untuk memenuhi keperluan penyelidikan. Jadual profil peserta kajian adalah seperti Jadual 1.

**Jadual 1: Profil Peserta Kajian**

<b>Peserta Kajian</b>	<b>Jantina</b>	<b>Umur</b>	<b>Pendidikan Tertinggi</b>	<b>Pengalaman Mendidik Anak-Anak</b>
PK 1	Perempuan	47	PhD Sains Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	20 tahun
PK 2	Lelaki	50	PhD Pengurusan Kepimpinan Islam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	22 tahun
PK 3	Perempuan	54	Sarjana Usuluddin Universiti Malaya (UM)	29 tahun

PK 4	Perempuan	48	Sarjana ekonomi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	22 tahun
PK 5	Perempuan	45	Sarjana Usuluddin dan Falsafah UKM	19 tahun
PK 6	Lelaki	46	PhD Peradaban Islam UKM	17 tahun
PK 7	Perempuan	50	Sarjana Psikologi UKM	24 tahun
PK 8	Lelaki	51	Sarjana Syariah UKM	24 tahun
PK 9	Perempuan	43	Sarjana undang-undang dan pentadbiran agama UIAM	17 tahun
PK 10	Lelaki	43	Sarjana UM	17 tahun
PK 11	Perempuan	46	Sarjana Undang-Undang UKM	21 tahun

Sumber: Data kajian (2021)

Kajian ini melibatkan 11 orang peserta (PK), terdiri daripada 4 bapa dan 7 ibu. Pemilihan peserta dibuat berdasarkan kaedah pensampelan bertujuan, serta kesediaan mereka untuk terlibat dalam kajian ini. Dari segi umur, majoriti peserta berusia 40 tahun ke atas, dengan julat umur antara 43 hingga 54 tahun. Peserta kajian memiliki pengalaman mendidik anak-anak yang signifikan. Empat peserta (PK 5, PK 6, PK 9, PK 10) mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun, manakala tujuh lagi (PK 1, PK 2, PK 3, PK 4, PK 7, PK 8, PK 11) memiliki pengalaman mendidik anak-anak melebihi 20 tahun. Profil pengalaman ini menunjukkan peserta kajian memiliki pengetahuan mendalam dalam bidang keibubapaan, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan dan kebolehlaksanaan generalisasi dapatan kajian.

Sebahagian besar peserta mempunyai latar belakang pendidikan dalam pengajian Islam dari universiti tempatan dan antarabangsa. Hanya dua peserta, PK 1 dan PK 11, berasal daripada bidang selain pengajian Islam; PK 1 memiliki PhD Sains Maklumat dari UKM, manakala PK 11 memiliki Sarjana Undang-Undang UKM. Selain itu, tiga peserta telah memperoleh PhD, sementara lapan lagi sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan di peringkat sarjana dalam bidang masing-masing.

Pengumpulan data dijalankan melalui temu bual kumpulan fokus (*Focus Group Discussion*), menggunakan soalan separa berstruktur untuk menjawab objektif kajian. Data yang diperoleh merupakan data kualitatif utama yang relevan dengan kajian ini. Analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis tematik, di mana data yang telah ditranskrip dikategorikan berdasarkan tema yang sesuai. Analisis tematik membantu mengenal pasti dan meneliti tema-tema utama yang muncul daripada dapatan kajian (Mohamad, 2019). Proses analisis ini melibatkan gabungan pelbagai data, pengelasan data mengikut kategori atau tema, serta pemerhatian terhadap apa yang dikatakan oleh sampel dan apa yang dilihat dan dibaca oleh pengkaji (Lebar, 2015).

### Dapatan dan Perbincangan

Pembentukan kasih sayang merupakan sikap yang boleh mewujudkan keharmonian dalam sesebuah keluarga. Keluarga Muslim yang bahagia bergaul dengan baik atas dasar cinta dan kasih sayang antara ahli keluarga serta mempunyai kekuatan dan kemampuan untuk melindungi ahli keluarga (Bahrami, Hosseini & Zamiri, 2017). Ibu bapa yang baik menggunakan kasih sayang untuk mengawal tingkah laku anak-anak. Kasih sayang yang seimbang boleh membentuk sebuah keluarga Muslim yang sihat dari aspek mental dan

kerohanian (Siraj, 2003). Kasih sayang ibu bapa terhadap anak merupakan tanda keakraban. Malah ikatan kekeluargaan yang erat boleh memupuk kasih sayang dan memudahkan proses penyelesaian masalah (Ahmad Sainul, 2008; Che Noh, 2006). Jasmi dan Md Saleh (2007) menjelaskan bahawa Rasulullah S.A.W. menunjukkan kasih sayang dengan ciuman dan pelukan terhadap anak-anak kecil sebagaimana hadis berikut:

أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ، يَقُولُ: سَئَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ أَهْلٍ بَيْنِكَ أَحَبُّ إِلَيْكَ؟ قَالَ: الْحَسَنُ وَالْحَسَنُونَ. وَكَانَ يَقُولُ لِفَاطِمَةَ ادْعِي لِي ابْنَيَّ، فَيُشَمُُهُمَا وَيَضْمُنُهُمَا إِلَيْهِ

Maksudnya:

*Bahawasanya mendengar Anas bin Mālik berkata, Rasullullah SAW bertanya mana satukah ahli keluarga kamu yang paling kamu sayangi? Al- Hasan dan al-Husin. Rasulullah SAW berkata kepada Fatimah RA panggilah anakku (panggilan manja pada al-Hasan dan al-Husin), setelah mereka datang, Baginda SAW mencium dan memeluk mereka. [al-Tirmidhī, Sunan Tirmidhī, Kitāb Abwāb al-Manaqib, Bab Manaqib Abū Muhammad al-Hassan bin 'Alī bin Abū Tālib wa al-Husin bin 'Alī bin Abū Tālib RA, no. Hadis 3772].*

Begitu juga dengan saranan Rasulullah SAW kepada ibu bapa agar menyayangi anak-anak sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَبَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْحَسَنَ بْنَ عَلَيٍّ وَعِنْدَهُ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسٍ التَّمِيمِيُّ جَالِسًا، فَقَالَ الْأَقْرَعُ: إِنَّ لِي عَشَرَةً مِنَ الْوَلَدِ مَا قَبَلْتُ مِنْهُمْ أَحَدًا، فَنَظَرَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ: «مَنْ لَا يَرْحُمُ لَا يُرْحَمُ».

Maksudnya:

*Bahawa Abu Hurairah RA berkata; "Rasulullah SAW mencium Al-Husain bin Ali RA, dan sedang duduk berhampiran baginda SAW adalah Al-Aqra' bin Habis al-Tamimi RA. Al-Aqra' RA berkata: Aku mempunyai sepuluh orang anak, aku tidak pernah cium walaupun seorang daripada mereka. Rasulullah SAW melihat kepadanya kemudian bersabda: Sesiapa yang tidak mengasihi, tidak akan dikasih. [al-Bukhārī. Sahih al-Bukhārī, Kitāb al-Ādab, Bab Rahmah al-Walidu wa taqbilahū wa ni'āmatahū, no. Hadis 5997].*

Hadis tersebut menunjukkan bahawa kasih sayang perlu diaplikasikan terhadap semua makhluk termasuk orang Islam, bukan Islam, binatang dan sebagainya. Berkata Abi Jamrah, maksud sesiapa yang tidak menyayangi orang lain ialah tidak mendapat balasan pahala. Ada yang menyatakan tidak mendapat rahmat iman di dunia dan akhirat. Tidak mendapat kasih sayang daripada Allah SWT. Kasih sayang yang pertama bermakna perbuatan, manakala kasih sayang kedua bermaksud balasan. Allah SWT mengasihi mereka yang mempunyai sikap kasih sayang. Sesiapa yang tidak menjadi seorang yang pengasih, sesungguhnya dia tidak akan disayangi. Ini merupakan jawapan Rasulullah SAW kepada al-Aqra' bin Habis (al-'Asqalānī, t.th). Ulama berpandangan bahawa kasih sayang adalah umum iaitu merangkumi anak-anak dan sebagainya (al-Nawawi, 2010). Perbuatan yang pertama adalah orang yang melakukan dan kasih sayang kedua adalah kepada mereka yang melakukannya. Hal ini menunjukkan syarat kasih sayang terhadap anak-anak berdasarkan hadis tersebut dan ia boleh juga bermaksud yang lebih umum (Abu 'Abd al-Rahman, 2005).

Kasih sayang mempunyai dua maksud. Maksud pertama ialah seseorang yang tidak menyayangi anak-anak, tidak akan disayangi oleh Allah SWT. Manakala maksud kedua ialah seseorang yang tidak menyayangi orang lain, maka dia tidak akan disayangi (Jasmi & Md

Saleh, 2007). Justeru, kasih sayang yang ditunjukkan oleh ibu bapa ketika berkomunikasi menyebabkan hubungan kekeluargaan menjadi semakin rapat dan memudahkan penyelesaian masalah (Che Noh & Yussoff, 2011). Keharmonian masyarakat secara umumnya bermula daripada institusi keluarga yang mampu mewujudkan ketenangan dan kestabilan hidup bersama berdasarkan kepada hubungan baik dan kasih sayang antara satu sama lain. Dalam erti kata lain, masyarakat yang harmoni terbina daripada institusi keluarga yang bahagia dan harmoni (Md Ali, 2017). Berikut merupakan bentuk nilai teladan berdasarkan kasih sayang melalui temu bual peserta kajian:

### ***Nilai Teladan Melalui Kata-Kata***

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa penggunaan kata-kata yang lembut dan berhemah memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak. PK 9 menekankan pentingnya mempelajari cara memberikan pujian, bersikap lemah lembut, dan meluangkan masa bermain bersama anak-anak. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan penyampaian nasihat tetapi juga mewujudkan hubungan yang harmoni antara ibu bapa dan anak-anak.

PK 7 pula menekankan kepentingan penggunaan bahasa yang baik dengan intonasi lembut dalam berkomunikasi dengan anak-anak. Beliau menyatakan: "*Pastinya dengan bahasa tona yang lembut*", menunjukkan bahawa nada suara yang lembut dapat mencipta suasana yang kondusif untuk mendidik dan menasihati. PK 8 pula berkongsi cara beliau menegur kesalahan anak-anak dengan penuh kelembutan. Beliau berkata: "*Bila tak boleh, tak boleh lah tapi dengan cara lemah-lembut bukan dengan cara marah-marah*". Teguran yang lembut mengelakkan anak-anak daripada merasa takut atau tertekan, sebaliknya mereka lebih mudah menerima nasihat dan memahami kesalahan mereka.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa nilai teladan melalui kata-kata yang baik dan intonasi lembut mampu memberi kesan positif dalam mendidik anak-anak. Pendekatan ini bukan sahaja membina kepercayaan tetapi juga membantu dalam pembentukan emosi dan akhlak anak-anak secara menyeluruh. Penggunaan kata-kata yang lembut dan sopan mampu menarik perhatian pendengar untuk menerima mesej yang disampaikan menurut Sayyid Qutb (1998). Dalam konteks keluarga, ia merupakan proses komunikasi antara ibu bapa dan anak-anak. Pemilihan kata-kata yang baik dan bahasa yang halus membantu ibu bapa menghindari sikap kasar, kurang beradab, sompong, serta penggunaan kata-kata sindiran. Disebabkan itu, pendekatan berdasarkan kelembutan amat dituntut semasa mendidik anak-anak (Abd. Majid, Abdul Rahman, Usman, Mohd Hamzah & Ismail, 2024). Lebih-lebih lagi, anak-anak sebagai sebahagian daripada saudara seagama layak menerima layanan serta didikan yang baik dan penuh kasih sayang daripada ibu bapa (Ismail et al., 2024).

Sebagai contoh kisah Nabi Ibrahim AS dan Luqman menggunakan perkataan *ya bunayya* sebagai ungkapan kasih sayang kepada anak-anak mereka. Al-Quran menjelaskan tentang kasih sayang antara ibu bapa dan anak-anak:

Maksudnya:

*Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: "Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?". Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Dengan izin Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar.*

Al-Tabari (2000) dalam *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an* menafsirkan bahawa Nabi Ibrahim AS berbincang dengan anaknya dan menggunakan perkataan *ya bunayya* sebagai ungkapan kasih sayang dan anaknya menjawab dengan ungkapan penyerahan dan hormat serta menyerahkan perkara tersebut kepada ayahnya, beliau memanggil ayahnya *ya abati*. Nabi Ibrahim AS meminta pendapat anaknya dan jawapannya adalah untuk melaksanakan sahaja perkara yang telah diperintahkan oleh Allah SWT (al-Maraghiy, 2001). Oleh yang demikian, perbincangan antara nabi dan orang soleh dengan anaknya dapat dilihat bahawa ibu bapa yang banyak berbincang dengan anak-anak dan disertai dengan kasih sayang dapat menguatkan iman, mengukuhkan pemikiran bahkan menggalakkan anak-anak melakukan kebaikan. Kecintaan dalam persekitaran keluarga dengan kasih sayang dan nasihat memberi impak positif dalam perkembangan anak, meningkatkan fungsi otak, mengembangkan semangat belajar dan menjadikan anak terbuka dan percaya diri. Mengajar dengan kasih sayang dan nasihat akan menjadikan anak lembut dan santun dalam bertutur kata (Fitri Chairunisa; Masykur H Mansyur; Neng Ulya 2022).

Dari sudut pendidikan, kata-kata yang disertai dengan pujian dan ciuman bukan sahaja mengukuhkan kasih sayang, malah merangsang semangat anak-anak untuk gigih belajar (Ahmad & Abang Yaman, 2010). Kata-kata yang lembut memberikan impak yang positif terhadap pendengar (Serban, Putnoky, Ek, Eli, Nowicka & Chirita-Emandi, 2021). Malah, Mustaffa dan Megat Ibrahim (2014) menegaskan bahawa ibu bapa yang aktif menggunakan media sosial boleh menyampaikan mesej-mesej pujian melalui platform seperti Facebook, Telegram, dan Instagram untuk menggalakkan anak-anak melakukan kebaikan. Procentese et al. (2019) juga berpandangan bahawa media sosial boleh menjadi medium untuk membina komunikasi terbuka antara ibu bapa dan anak-anak, selagi persepsi serta pengurusan media sosial dijaga dengan baik.

Menasihati dengan panggilan yang mempunyai kata-kata pujian dan sanjungan boleh memperbaiki sikap anak-anak kerana mereka cenderung untuk merasa dihargai (Yahaya, Ma'alip & Ismail, 2012). Apabila anak-anak patuh kepada arahan, ibu bapa disarankan menghadiahkan pujian dan pelukan (Boham, 2013). Hal ini bukan sahaja mendorong anak-anak untuk mengekalkan perbuatan baik tetapi juga mengukuhkan hubungan emosional antara ibu bapa dan anak-anak.

Kasih sayang ibu bapa dapat diserahkan melalui ciuman, pelukan, atau kata-kata yang baik (Yahaya et al., 2012). Kajian menunjukkan bahawa kaum ibu cenderung mengekspresikan kasih sayang melalui interaksi fizikal dan perkataan (Sabey, Rauer, Haselschwerdt & Volling, 2018). Walau bagaimanapun, kecenderungan ini bergantung kepada budaya. Sebagai contoh, ibu etnik Latina cenderung kurang menzahirkan kasih sayang secara lisan berbanding ibu etnik Eropah-Amerika dan Afrika-Amerika (Buchanan, Glatz, Terese, Kiang & Richwine, 2021). Kaum bapa pula lebih memilih untuk menunjukkan kasih sayang melalui tindakan bukan lisan seperti menjadi teman bermain atau memberikan sokongan instrumental (Sabey et al., 2018; Li, 2021).

Namun begitu, kasih sayang tidak hanya terbatas kepada kelembutan sahaja. Kasih sayang ibu bapa juga memerlukan elemen disiplin dan penegasan. Larzelere, Gunnoe, Roberts & Ferguson (2017) mengkritik pendekatan '*gentle parenting*' yang menolak sebarang bentuk tindakan disiplin. Hal ini selari dengan pendekatan pendidikan anak oleh 'Ulwan (1997) dimana ibu

bapa tetap perlu bersifat tegas dan menjalankan hukuman apabila anak-anak melampaui batas yang ditetapkan. Faw, Sonne & Leustek (2019) menyatakan bahawa ibu bapa yang menunjukkan kasih sayang melalui penegasan perlu menyampaikan penjelasan yang jelas kepada anak-anak mengenai sebab tindakan diambil dan kesannya. Tanpa komunikasi yang jelas, anak-anak mungkin salah faham terhadap niat ibu bapa, terutamanya dalam isu penting kehidupan.

Kajian Nappa, Palladino, Nocentini & Menesini (2020) melaporkan bahawa hubungan baik dan sokongan ibu bapa berkait rapat dengan tahap rendah kelakuan buli siber dalam kalangan anak-anak. Sebaliknya, Boniel-Nissim dan Sasson (2018) mendapati bahawa komunikasi yang lemah antara ibu bapa dan anak-anak boleh membawa kepada penggunaan internet yang bermasalah, termasuk menjadi pembuli atau mangsa buli siber. Hubungan kekeluargaan yang positif atau negatif memberikan impak besar terhadap kesejahteraan individu. Thomas, Liu & Umberson (2017) menegaskan bahawa hubungan keluarga yang baik membantu individu mengatasi tekanan, meningkatkan harga diri, dan mendorong tingkah laku yang sihat. Tambahan pula, komunikasi keluarga memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya tahan ahli keluarga yang menghadapi masalah kesihatan (Huang, Acquati & Cheung, 2021).

Sebagai kesimpulan, penggunaan kata-kata yang lembut, sopan, dan penuh hikmah memainkan peranan penting dalam mendidik dan membentuk akhlak anak-anak. Pendekatan komunikasi yang baik bukan sahaja merangsang semangat anak-anak untuk berbuat kebaikan, malah mengukuhkan hubungan kasih sayang antara ibu bapa dan anak. Selain itu, ibu bapa perlu bijak menyesuaikan ekspresi kasih sayang mereka mengikut keperluan budaya, sama ada melalui kata-kata atau tindakan bukan lisan, seperti pelukan dan sokongan instrumental. Disiplin yang disertai dengan komunikasi yang jelas juga penting untuk memastikan anak-anak memahami rasional di sebalik tindakan ibu bapa, sekali gus mengelakkan salah faham. Hubungan kekeluargaan yang positif, dengan penekanan kepada komunikasi berkesan, terbukti memberi kesan besar terhadap kesejahteraan individu, membantu mengatasi cabaran hidup, dan membentuk generasi yang lebih bertanggungjawab dan berakhlik mulia.

### ***Nilai Teladan Melalui Perbuatan***

Hasil temubual menunjukkan bahawa perbuatan yang mencerminkan kasih sayang, seperti memeluk anak, memainkan peranan penting dalam mewujudkan hubungan yang erat antara ibu bapa dan anak-anak. Menurut PK 10; “*Lepas solat, mesti peluk anak*”. PK 10 menjelaskan bahawa tindakan memeluk anak selepas solat bukan sahaja menjadi amalan rutin, tetapi juga sebagai simbol kasih sayang yang mendalam. Perbuatan ini menggambarkan nilai teladan yang boleh dicontohi oleh anak-anak dalam membentuk hubungan kekeluargaan yang positif. PK 4 pula menekankan bahawa amalan memeluk anak-anak secara kerap membantu mewujudkan suasana yang selesa dan terbuka dalam keluarga. Beliau menyatakan: “*Saya memang suka sangat peluk anak-anak. Waktu macam mana anak-anak itu boleh rapat dengan kita dan dia boleh share banyak benda dengan kita apabila kita banyak peluk dia dan kita membuka ruang untuk dia berkongsi dengan kita tanpa kita judge dia macam-macam.*” Perbuatan ini bukan sahaja mencerminkan kasih sayang tetapi juga membantu membina kepercayaan antara ibu bapa dan anak-anak. Ia memberikan ruang bagi anak-anak untuk berkongsi pengalaman dan masalah tanpa rasa takut atau dihakimi.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa nilai teladan melalui perbuatan, seperti memeluk anak, adalah elemen penting dalam membina hubungan yang harmoni, menyokong perkembangan emosi anak-anak, dan mencerminkan nilai kasih sayang dalam keluarga. Dapatan ini selari dengan Abd. Majid et al. (2024) yang menyatakan, kasih sayang melalui perbuatan juga boleh ditunjukkan dengan kelembutan, kesopanan, dan kebijaksanaan dalam setiap tindakan. Anak-anak, sebagai unsur kekuatan umat Islam, memerlukan rangsangan fizikal seperti sentuhan, pelukan, dan belaian kasih sayang. Kemahiran berkomunikasi seperti berbual, memuji, dan bergurau sangat diperlukan untuk memberikan rangsangan emosi kepada mereka (Saeidi et al., 2014). Pendekatan yang seimbang antara kasih sayang dan disiplin oleh ibu bapa akan memberi kesan positif terhadap perkembangan anak-anak, menjadikan mereka lebih bertanggungjawab dan berakhlaq mulia. Hal ini selaras dengan kajian Fathiyaturrohmah (2014) yang menyatakan bahawa kasih sayang kepada anak-anak boleh ditunjukkan melalui pelukan, ciuman, dan pujian.

Selain itu, Jasmi dan Md Saleh berpandangan bahawa kasih sayang ibu bapa dapat ditunjukkan melalui perhatian dan tindakan seperti menegur atau mencium anak-anak. Sapaan seperti ucapan salam penuh keberkatan memberikan kesan yang mendalam kepada anak-anak. Ciuman dan pelukan juga dapat memperbaiki emosi mereka, mengeratkan ikatan keluarga, dan menanamkan nilai kasih sayang yang sejati. Kegagalan mencurahkan kasih sayang boleh menyebabkan perbuatan bertentangan dengan ajaran Islam. Anne Ratnasari (2007) juga menyarankan agar ibu bapa memberikan sentuhan penuh kasih sayang kepada anak-anak setiap hari, seperti senyuman, pelukan, belaian, ciuman, dan tepukan. Kasih sayang merupakan kekuatan yang membolehkan ibu bapa dan anak-anak menyesuaikan diri dalam keluarga serta mencegah berlakunya konflik dalam hubungan antara kedua-dua pihak.

Konsep ini turut dibincangkan dalam al-Quran melalui pelbagai ayat berkaitan kasih sayang antara ibu bapa dan anak-anak, termasuk kisah Nabi Yaakub AS yang menggambarkan hubungan erat baginda dengan anaknya. Penelitian oleh Abdullah dan Hussian (2012) mendapati bahawa perhatian dan kasih sayang ibu bapa memberi impak positif dalam membentuk keperibadian anak-anak. Apabila suasana penuh kasih sayang dan kelembutan diterapkan dalam keluarga, anak-anak tidak akan merasa tertekan atau takut untuk berkongsi masalah. Sebaliknya, mereka akan berasa lebih selesa, sekali gus membuka jalan kepada penyelesaian masalah secara berhikmah dan penuh kasih sayang (Syed Abdul Rahman & Kasa@Muhyiddin, 2021).

Hasil temu bual juga menunjukkan kepentingan mendidik anak-anak untuk bersikap jujur, terutamanya dalam melaksanakan amalan keagamaan. PK 3 menegaskan: "*Benda yang tegas jangan cakap bohong*", merujuk kepada nilai kejujuran yang harus diterapkan dalam kehidupan seharian. PK 3 juga berkongsi bahawa beliau mendidik anak-anak untuk bersikap jujur dalam melaksanakan ibadat, khususnya solat. Dalam situasi tertentu, terdapat anak-anak yang cuba mengelak daripada menunaikan ibadat dengan memberi pelbagai alasan atau helah. Dalam menghadapi situasi ini, ibu bapa memainkan peranan penting dengan menunjukkan contoh melalui amalan kejujuran mereka sendiri. Ibu bapa yang konsisten bersikap jujur dalam tindakan dan perkataan akan menjadi teladan yang mudah diikuti oleh anak-anak.

Di samping itu, ibu bapa menegaskan bahawa setiap perkara yang melibatkan disiplin agama, seperti solat, memerlukan anak-anak untuk jujur terhadap ibu bapa mereka. Sikap ini adalah sebahagian daripada proses tarbiah yang diterapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak untuk

membentuk peribadi yang baik dan berintegriti. Dapatan ini menggambarkan bahawa pendidikan nilai teladan dengan kejujuran, yang dimulakan dari rumah, adalah asas penting dalam membentuk sahsiah anak-anak yang berlandaskan nilai murni. Nilai ini bukan sahaja membantu anak-anak dalam aspek keagamaan tetapi juga dalam hubungan mereka dengan ibu bapa dan masyarakat secara keseluruhan.

Dapatan ini selari dengan Abu Bakar (2015) yang menyatakan keluarga Melayu di Malaysia cenderung mengamalkan komunikasi yang mesra tetapi tegas dalam mendidik anak-anak, di samping menunjukkan teladan yang baik. Komunikasi ini bukan sahaja membentuk akhlak anak-anak tetapi juga memupuk rasa kasih sayang dan hormat terhadap ibu bapa. Hal ini selari dengan dapatan kajian terkini oleh Aini, Mohd Hamzah Murghayah, Ismail, Usman dan Shbair (2024) menunjukkan bahawa ibu bapa Muslim di Malaysia menggunakan pendekatan nilai teladan dalam mendidik anak-anak mereka. Ibu bapa dilihat berusaha untuk menjadikan diri mereka acuan yang terbaik buat anak-anak. Begitu juga pandangan Siti Masriah , Acep Nurlaeli, Akil (2023) yang menyatakan bahawa interaksi keluarga yang positif, pendidikan agama yang terintegrasi dalam kehidupan sehari-hari, dan teladan ibu bapa yang konsisten dalam pengamalan agama menjadi faktor penting dalam membentuk nilai-nilai yang baik kepada anak-anak.Oleh itu, keluarga dapat menjadi agen yang efektif dalam membantu anak memahami dan menginternalisasikan nilai-nilai agama sejak usia muda.

Kajian ini menunjukkan bahawa penerapan nilai kasih sayang ke dalam jiwa anak-anak perlu ditanam melalui teladan ibu bapa terlebih dahulu. Ibu bapa yang ingin melahirkan anak-anak yang mengamalkan syariat Islam perlu terlebih dahulu mengamalkan syariat Islam dalam kehidupan mereka sendiri (Bensaid, 2021). Sebagai ketua keluarga, bapa bertanggungjawab menjadi suri teladan terbaik buat anak-anak sebagai pemimpin rohani, pendidik, pencari nafkah, dan pemantau aspek keagamaan, sambil berusaha memastikan keluarga sentiasa mendapat keberkatan Allah SWT (Manap et al., 2018).

Menurut Siti Zainab (2017), nilai teladan adalah proses pendidikan melalui keperibadian atau perbuatan yang dapat diikuti oleh anak-anak. Sazali (2010) pula menjelaskan bahawa anak-anak mempunyai fitrah yang bersih dan suci, tetapi mereka memerlukan contoh nyata untuk memahami kebaikan yang diajarkan. Ibu bapa yang aktif dalam pelbagai aktiviti akan menjadi teladan terbaik kepada anak-anak, sama ada dalam pelajaran atau perbuatan harian di rumah (Qadafi, 2019). Oleh itu, ibu bapa perlu berhati-hati dalam setiap kata dan tindakan yang dilakukan (Khaironi, 2017).

Dalam proses mencipta identiti, anak-anak mengenali diri sendiri melalui kehidupan dan interaksi dengan keluarga. Ahli keluarga, khususnya ibu bapa, mencerminkan anak-anak dan membentuk mereka mengikut nilai-nilai yang diinginkan (Mathurada & Hale, 2011; Ismail, 2001). Walau bagaimanapun, Nisanci (2016) berpandangan bahawa kekurangan nilai teladan merupakan cabaran besar bagi ibu bapa yang tidak berpengalaman.

Anak-anak mempelajari dan meniru apa yang dilihat dalam kehidupan seharian mereka (Khoirun Ni'mah, 2018). Yan dan Ribut (2019) menyatakan bahawa kaedah teladan adalah proses pembelajaran anak-anak yang meniru tingkah laku ibu bapa. Ini lebih penting bagi remaja yang bermasalah, kerana mereka memerlukan nilai teladan yang boleh dicontohi (Ahmad & Nazri, 2017). Sebagai contoh, tabiat buruk seperti pengambilan alkohol oleh ibu bapa boleh menyebabkan anak-anak remaja turut cenderung melakukannya, sebagaimana

dijelaskan oleh teori kognitif sosial Bandura, yang menegaskan bahawa permodelan secara tidak langsung berlaku dalam persekitaran seseorang (Berglund et al., 2022).

Manap dan Hamzah (2017) menekankan bahawa ibu bapa adalah model terbaik dalam memupuk budaya ilmu dan keagamaan yang kukuh. Ibu bapa perlu bertindak secara seimbang antara menunjukkan kasih sayang dan mendisiplinkan anak-anak untuk membina daya tahan serta mengoptimumkan potensi mereka. Nilai teladan ibu bapa merangkumi hubungan dengan Allah SWT dan manusia, menjadikannya salah satu sumber utama pendidikan yang mempengaruhi perkembangan anak secara menyeluruh. Hal ini selaras dengan saranan Rasulullah SAW untuk menunjukkan teladan terbaik kepada ahli keluarga, sebagaimana hadis Baginda:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَيْرَكُمْ لِأَهْلِهِ، وَأَنَا حَيْرَكُمْ لِأَهْلِي

Maksudnya:

Daripada Aisyah RA berkata: Sabda rasulullah SAW: “Sebaik-baik daripada kalangan kamu ialah yang paling baik terhadap ahli keluarga dan aku adalah yang terbaik di antara kamu terhadap ahli keluargaku”. [Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab Nikāh, Bab Hasan Ma’āsyirah Nisa’, no. Hadis 1977]

Sebagai kesimpulan, nilai teladan melalui perbuatan memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian dan akhlak anak-anak. Ibu bapa yang bertindak sebagai model terbaik dapat menyemai nilai-nilai murni dalam jiwa anak-anak melalui amalan harian, seperti menunjukkan kasih sayang, bersikap lembut, dan berdisiplin. Anak-anak belajar melalui pemerhatian dan meniru tingkah laku ibu bapa, menjadikan teladan yang baik sebagai asas utama pembelajaran mereka. Tindakan seperti pelukan, ciuman, dan sapaan penuh doa bukan sahaja mengeratkan hubungan kekeluargaan tetapi juga memupuk rasa kasih sayang dan hormat. Walau bagaimanapun, ibu bapa perlu bertindak seimbang antara menunjukkan kasih sayang dan menegakkan disiplin bagi membina daya tahan anak-anak dan mengoptimumkan potensi mereka. Pendekatan yang bijaksana ini bukan sahaja melahirkan generasi yang berakhlaq mulia tetapi juga memberi kesan positif terhadap kesejahteraan keluarga dan masyarakat secara keseluruhan.

## Penutup

Ibu bapa merupakan nilai teladan yang terbaik buat anak-anak kerana anak-anak meniru percakapan, tingkah laku dan segala aspek kehidupan ibu bapa mereka. Daripada aspek percakapan, ibu bapa perlu melazimkan diri dengan penggunaan bahasa yang baik seperti yang dianjurkan dalam al-Quran iaitu *qawlan sadīdā*, *qawlan balīghā* dan *qawlan maysūrā*. Ibu bapa juga menjauhkan diri daripada kata-kata yang keji kerana ianya menjadi ikutan anak-anak. Daripada aspek perbuatan pula ibu bapa menonjolkan akhlak yang baik seperti kesabaran, kesungguhan, dan pengharapan kepada Allah SWT kerana Rasulullah SAW adalah contoh yang terbaik untuk dicontohi. Nilai teladan yang baik mempunyai kesan yang besar terhadap jiwa anak-anak. Anak-anak tidak mampu memahami kebaikan yang diajarkan sehingga mereka melihat ibu bapa mereka melakukannya.

Dari aspek pembentukan akhlak, kedua ibu bapa menjadi suri teladan dengan akhlak yang mulia kepada anak-anak. Anak-anak yang melihat akhlak baik ibu bapanya akan membesar dengan kebaikan. Oleh itu, sesebuah keluarga Muslim amat ditekankan untuk membina sikap positif kerana sikap tersebut dapat mewujudkan persekitaran yang positif dalam hubungan

kekeluargaan. Sikap ibu bapa yang positif juga dapat melahirkan generasi yang positif. Kasih sayang dapat ditonjolkan melalui perhatian dan tindakan seperti menegur dan mencium anak-anak. Kasih sayang ibu bapa adalah teguran dengan sapaan yang baik. Sapaan tersebut amat bermakna kepada anak-anak apabila ia diucapkan dalam bentuk doa seperti ucapan salam penuh keberkatan. Ciuman dan pelukan pula boleh menjadikan emosi anak-anak baik dan positif serta mengeratkan ikatan kekeluargaan. Oleh itu, tanpa ciuman dan pelukan, hilang kasih sayang dalam sesbuah keluarga. Curahan kasih sayang adalah fitrah semua makhluk termasuk binatang. Sehubungan dengan itu, kecuaian dalam mencerahkan kasih sayang merupakan perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

### Penghargaan

Sekalung penghargaan ke atas Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2022.No. Geran: FRGS/1/2022/SSI13/KUIS/03/5, Universiti Islam Selangor yang bertajuk ‘Model Komunikasi Ibu Bapa Muslim (MoKIM) dalam Acuan Keluarga Malaysia’.

### Rujukan

al-Quran

- Abd. Majid, M., Abdul Rahman, A. H., Usman, A. H., Mohd Hamzah, S. K., & Ismail, S. (2024). Al-Ta'lif approach to the implementation of da'wah according to an Islamic perspective. *Jurnal Dakwah Risalah*, 35(2), 124–137.
- Abdullah, S. & Hussin, H. (2012). Ekspektasi antara hasrat dan realiti wanita bekerja terhadap pengurusan kekeluargaan: kajian di Universiti Malaysia Perlis. *Journal of Human Development and Communication* 1: 107–127.
- Abu Bakar, Z. (2015). Komunikasi keluarga dan pengurusan konflik dari persepektif remaja Melayu. *Jurnal pengajian Media Malaysia*, 17(1), 11-28.
- Abu Bakar, A., Afthanorhan, A., Ibrahim, M. N., Ridzuan, A. R. & Abdul Latif, D. I. (2016). Penilaian model pola komunikasi keluarga menerusi Analisis Faktor Pengesahan (AFP): kajian di Malaysia. *Forum Komunikasi*, 11(1), 39-64.
- Abu 'Abd al-Rahman, S. A. (2005). 'Aun Ma 'bud Syarah Sunan Abi Daud. T.t.p.: Dar Ibn Hazm.
- Ahmad, A. D. & Nazri, M. A. (2017). Komunikasi keluarga berdasarkan uslub Nabi SAW. *Jurnal al-Turath*, 2(1), 54-64.
- Ahmad & Abang Yaman. (2010). Kata-kata pujian dan peningkatan prestasi akademik pelajar. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.
- Ahmad Sainul. (2018). Konsep keluarga harmonis dalam Islam. *Jurnal Al-Maqasid*, 4(1), 86-98.
- Aini, Z., Mohd Hamzah Murghayah, S. K., Ismail, S., Usman, A. H. & Shbair, A. (2024). Methods of communication between Muslim parents and teenagers in Malaysia. *Islāmiyyāt* 46(2), 51-65. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2024-4602-05>.
- al-Alūsī, S. M. (t.th.). *Rūh al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qur'ānī al-'Azīm wa Sab' al-Mathānī*. Iraq: Dar Ihia al-Turath al-Arabi.
- al-'Asqalānī, I. H. (t.th.). *Fath Al-Bari Syarah Bukhārī*. Kaherah: al-Salafiah.
- al-Baghāwī, A. M. (1997). *Ma'alim al-Tanzil*. Beirut: Dar Taiyyibah li al-Nasyr wa al-Tauzi'.
- al-Maraghiy. (2001). *Tafsir Al-Maraghiy*. Terj T. M. Thalib. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Nawawi, Y. S. (2010). *Al-Minhaj fi Syarah Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- al-Ṭabari, M. (2000). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, juz 24. Beirut: Muassasah al-Risalah.

- Anne Ratnasari. (2005). Komunikasi harmonis orang tua dengan anak. *Mediator* 8(2): 345–351.
- Bahrami, M., Hosseini, M. A. & Zamiri, M. R. (2017). Family pattern in the Quran and the role of social networks in consolidating or dissolving it. *International Journal of Scientific Study*, 5(4), 921-932.
- Bensaid, B. (2021). An overview of Muslim spiritual parenting. *Religions*, 12(12), 1057. <https://doi.org/10.3390/rel12121057>.
- Boham, S. S. (2013). Pola komunikasi orang tua dengan anak autis (Studi pada orang tua dari anak autis di Sekolah Luar Biasa AGCA Center Pumorow Kelurahan Banjer Manado). *Journal Acta Diurna Komunikasi*, 2(4), 1-18.
- Boniel-Nissim, M., & Sasson, H. (2018). Bullying victimization and poor relationships with parents as risk factors of problematic internet use in adolescence. *Computers in Human Behavior*, 88, 176–183. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2018.05.041>
- Buchanan, C. M., Glatz, Terese., Kiang, L. & Richwine, R. 2021. Beliefs about expressing love to adolescents among ethnically and economically diverse mothers. *Journal of Youth and Adolescence*, 50, 536-549.
- Berglund, K. J., Boson, K., Wennberg, P. & Gerdner, A. (2022). Impacts of alcohol consumption by mothers and fathers, parental monitoring, adolescent disclosure and novelty-seeking behaviour on the likelihood of alcohol use and inebriation among adolescents. *International Journal of Adolescence and Youth*, 27(1), 582-596. <https://doi.org/10.1080/02673843.2022.2156298>.
- Che Ahmad, A., Ghani, M. Z., Omar, S., & Mohd Isa, Z. (2010). Kanak-kanak bermasalah tingkah laku. *Jurnal Pendidikan Khas*, 10(2), 21-27.
- Che Noh, C. H. (2006). Hubungan keluarga dari aspek komunikasi dan gaya keibubapaan. *Jurnal Kemanusiaan*, 4(2), 45-57.
- Che Noh, C. H. & Yussoff, F. (2011). Corak komunikasi keluarga dalam kalangan keluarga Melayu di Terengganu. *Jurnal Hadhari*, 3(2), 45-62.
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design*. 4th Edisi . California: SAGE Publications.
- Cutler, D. C. (2019). *The modern family and the integration of the wicked stepmother archetype*. Thesis, Master of Arts in Counseling Psychology, Pacifica Graduate Institute.
- Fajar Pamukti Putra. (2010). *Komunikasi keluarga dalam membentuk disiplin anak remaja*. Tesis Sarjana. Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universiti Lampung.
- Fathiyaturrohmah. (2014). Ayat-ayat tentang peranan ibu dalam pendidikan anak. *Elementary*, 2(1), 57-85.
- Faw, M. H., Sonne, J. & Leustek, J. (2019). Exploring tough love communication in parents' relationships with their young adult children. *Communication Studies*, 70(4), 470-491. <https://doi.org/10.1080/10510974.2019.1642220>.
- Fitri Chairunisa; Masykur H Mansyur; Neng Ulya 2022. Peran Keluarga Dalam Mendidikbuah Hati Menurut Rasulullah. *Jurnal Keislaman dan Ilmu Pendidikan*. 4(3). 406-420. <https://doi.org/10.36088/islamika.v4i3.1958>
- Hamzah, N. Mustari, I. & Mohd Basiron, B. (2015). Model pendidikan kerohanian terhadap anak-anak dalam kalangan wanita cemerlang sektor awam. *GJAT*, 5(1), 105-117.
- Huang, Y. J., Acquati, C. & Cheung, M. (2021). Family communication and coping among racial-ethnic minority cancer patients: A systematic review. *Health and Social Care*, 30(3), 605-620. <https://doi.org/10.1111/hsc.13623>.
- Ibn Kathīr, A. F. I. (1999). *Tafsir Ibn Kathīr*, Jil 1. Riyad: Maktabah Dar al- Salam.

- Iqna Aulyiah, Ris'an Rusli & Totok Agus Suryanto (2024). Kajian Living Qur'an Atas Pembentukan Keluarga Islami Dalam Tafsir Al-Misbah. *Living Islam: Journal of Islamic Discourses*. 7(1). 279-302
- Ismail, N. M. (2001). *Hubungan di antara gaya kepimpinan ibu bapa dengan pelanggaran disiplin pelajar-pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Teknik Slim River, Perak*. Tesis Sarjana. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Ismail, S., Usman, A. H., Abd. Majid, M., Mohd Hamzah Murghayah, S. K., Md. Ali, A. W., Mohd Rasit, R., Aini, Z. (2024). Muslim parents' communication approach to adolescents according al-Tarbiyyah al-Rashīdah by 'Abd al-Karīm Bakkār (B. 1951). *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 14(1): 283–302. <https://doi.org/10.32350/jitc.141.17>
- Jaapar & Azahari. (2011). Model keluarga bahagia menurut Islam. *Journal of Fiqh*, 8(11), 25-41.
- Janja, M. (2016). *Understanding pedagogical content knowlegde from Islamic epistemology among muslim educator in Tanzania*. Tesis Dr Fal, Universiti Putra Malaysia.
- Jasmi, K. A. & Md Saleh@Masrom, S. F. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2010). *Guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: satu kajian kes*. Tesis Dr Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khaironi, M. (2017). Pendidikan karakter anak usia dini. *Jurnal Golden Age Universitas Hamzanwadi*, 01(2), 82–89.
- Khalil, A. I. A. (2016). The Islamic perspective of interpersonal communication. *Journal of Islamic Studies and Culture*, 4(2016), 22–37.
- Khoirun Ni'mah. (2018). Pola komunikasi keluarga dan pengasuhan ramah anak sebagai upaya membentuk kepribadian anak. *Komunika: Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, 12(1), 23-41.
- Larzelere, R. E., Gunnoe, M. L., Roberts, M. W., & Ferguson, C. J. (2017). Children and parents deserve better parental discipline research: Critiquing the evidence for exclusively “positive” parenting. *Marriage & Family Review*, 53(1), 24–35. <https://doi.org/10.1080/01494929.2016.1145613>
- Lebar, O. (2015). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Li, X. (2021). How do Chinese fathers express love? Viewing paternal warmth through the eyes of Chinese fathers, mothers, and their children. *Psychology of Men & Masculinities*, 22(3), 500-511. <https://doi.org/10.1037/men0000312>.
- Manap, J., Mohd Hoesni, S. & Hamzah, M. R. (2018). Family communication amongst conventional Malay man. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 34 (1), 238-252.
- Manap, J. & Hamzah, M. R. (2017). mithālī parenting principals as a basis of child development & empowerment. *Konvensyen Kaunseling Kebangsaan*, hlm. 1-4.
- Mathurada, C. & Hale, C. L. (2011). Thai family communication patterns: Parent-adolescent communication and the well-being of Thai families. *Special Issue of the International Journal of the Computer, the Internet and Management* 19 (June): 1–6.
- Md Ali, A. W. (2017). *Pembinaan indikator kesejahteraan keluarga menurut Islam*. Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Mohamad, M. S. & Rosdi, N. N. A. (2018). Hubungan antara tingkah laku keibubapaan, tekanan psikologikal dengan tahap kesihatan mental dalam kalangan penjaga kanak-kanak autisme. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32 (4), 123-132.

- Mohamad, N. (2019). *Pendekatan pengajaran berdasarkan manhaj al-Tadarrij kepada saudara baharu di Malaysia*. Tesis Dr. Fal. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohamed, R. & Mohamad, S. N. S. (2013). *Keluarga Muslim menurut Imam Hassan Al-Banna*. Kuala Lumpur: Hijjaz Records Publisher.
- Mustaffa, C. S. & Megat Ibrahim, N. Z. (2014). Persepsi ibubapa dan anak serta hubungannya ke atas gaya keibubapaan dan pola komunikasi keluarga. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 30(Special Issue), 43-74.
- Nappa, M. R., Palladino, B. E., Nocentini, A. & Menesini, E. (2020). Do the face-to-face actions of adults have an online impact? The effects of parent and teacher responses on cyberbullying among students. *European Journal of Developmental Psychology*, 18(6), 798-813. <https://doi.org/10.1080/17405629.2020.1860746>.
- Nisanci, A. A. (2016). *Turkish immigrant families in the US: parenting, parent-adolescent relationships and adolescent wellbeing*. Thesis Dr. Fal. Social Work, The Graduate College of the University of Illinois at Chicago.
- Procentese, F., Gatti, F. & Napoli, I. D. (2019). Families and social media use: The role of parents' perceptions about social media impact on family systems in the relationship between family collective efficacy and open communication. *International Journal of Environment Research and Public Health (IJERPH)*, 16(24), 5006.
- Qaddafi, M. (2019). Kolaborasi guru dan orang tua dalam mengembangkan aspek moral agama anak usia dini. *Pendidikan Anak*, 5(1), 1-19.
- Rashed, Z. N. (2016). *Amalan Pengintegrasian ilmu Sains & al-Quran dalam pengajaran pendidikan Islam di Maahad Tahfiz Sains negeri Selangor*. Tesis Dr. Fal, Fakulti pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rasyid Baswe, A. (2012). Konsumerisme visi hidup & pendidikan dalam keluarga. *Jurnal Kependidikan*, 33(2), 81-87.
- Reski Amamalia, Fiptar abdi alam, T Taufik (2023). Peran Keluarga Dalam Membentuk Perilaku Anak. *JBK: Jurnal Bimbingan dan Konseling*. 10 (1). 1-13.
- Sabey, A. K., Rauer, A. J. Haselschwerdt, M. L. & Volling, B. (2017). Beyond "Lots of Hugs and Kisses": Expressions of Parental Love From Parents and Their Young Children in Two Parent, Financially Stable Families. *Fam Process*, 57(3), 737-751. <https://doi.org/10.1111/famp.12327>.
- Saeidi, M., Ajilian, M., Farhangi, H & Hasan Khodaei, G. (2014). Rights of children and parents in holy Quran. *International Journal of Pediatrics*, 3-2(8), 103-113.
- Sambuaga, D. P. & Boham, A. (2014). Peranan komunikasi keluarga dalam mencegah perkelahian antar warga (studi kasus di Kelurahan Mahakeret Barat). *Journal Acta Diurna*, 3(4), 1-15.
- Sayyid Qutb. (1998). *Fi Zilal al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Mashruq.
- Sazali, H. (2010). *Pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an: Pelaksanaan di pusat pendidikan pra sekolah di bandar Triang, Pahang*. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.
- Serban, C. L., Putnoky, S., Ek, A., Eli, K., Nowicka, P. & Chirita-Emandi, A. (2021). Making childhood obesity a priority: A qualitative study of healthcare professionals' perspectives on facilitating communication and improving treatment. *Front. Public Health*, 9(652491). <https://doi.org/10.3389/fpubh.2021.652491>.
- Siraj, S. (2003). *Pendidikan Anak-Anak*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
- Siti Zainab. (2017). Komunikasi orang tua-anak dalam al-Quran. *NALAR*, 1(1), 48-58.

- Siti Masriah , Acep Nurlaeli, Akil (2023). Peran Keluarga Dalam Pembentukan Nilai-Nilai Agama Pada Anak Usia Dini. *Jurnal ANSIRU PAI*, 7(2), 325.
- Salis Irvan Fuadi, Rindi Antika, Nur Rofiusdin, 2020. Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak dalam Keluarga: Kajian QS. Al-Taghabun ayat 14-1. *Matan: Journal of Islam and Muslim*. 2(1), 74-86.
- Suwaid, M. N. A. H. (2014). *Prophetic parenting cara Nabi SAW mendidik anak*. Terj. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Syed Abdul Rahman, S. M. H. & Kasa@Muhyiddin, A. R. (2021). Pengurusan stres anak-anak menurut perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 22(1): 205-215.
- Taib, M. R., Abdullah, Z. & Kannan, S. (2015). Kepimpinan ulul al-Bab di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). <https://jupidi.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/8425>.
- Thomas, P. A., Liu, H., & Umberson, D. (2017) Family Relationships and Well-Being. *Innov Aging*, 1(3). <https://doi: 10.1093/geroni/igx025>.
- 'Ulwan, A. N. (1997). *Tarbiah al-Awlad fi al-Islam*. Mansurah: Dar al Salam.
- Yahaya, A., Ma'alip, H. & Ismail, Z. (2012). *Teknik Berkesan Mendidik Anak*. Skudai: Penerbit Teknologi Malaysia.
- Yan Hendra & Ribut Priadi. (2019). Family communication model in forming pious children. *Budapest International Research and Critics Institute-Journal (BIRCI-Journal)*, 2(1), 28-38.
- Yudi Eko Surono (2023). Peran Orang Tua dalam Membangun Pendidikan Agama Islam yang Berkualitas di Keluarga. *GUAU: Jurnal Pendidikan Profesi Guru Agama Islam*. 3(2), 42-53.
- Yuni Retnowati. (2008). Pola komunikasi orangtua tunggal dalam membentuk kemandirian anak (kasus di Kota Yogyakarta). *Jurnal Ilmu Komunikasi UPNYK*, 6(3), 104-137.